

## **UPACARA PECAH TANAH KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Pada pagi yang indah permai ini kita akan menyaksikan satu peristiwa bersejarah iaitu Pelancaran Pecah Tanah Kampus UMS. Majlis gemilang ini akan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, pemimpin yang kita kasih.

Sehubungan itu, izinkan saya bagi pihak pengerusi, ahli-ahli majlis, ahli-ahli senat, para pensyarah, kakitangan dan para pelajar UMS, mengungkapkan rasa terima kasih dan penghargaan ikhlas kami kepada YAB Perdana Menteri. Walaupun sibuk dengan tugas, beliau masih sudi menyempurnakan upacara bersejarah ini. Kami juga mengalu-alukan kehadiran dif-dif kehormat serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

### **Imbasan Penubuhan UMS**

Setahun lalu saya telah diamanatkan dan diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk memulakan sebuah pusat pengajian tinggi di negeri Sabah. Dengan rasa cekal, tanggungjawab dan rendah diri saya telah cuba sedaya upaya untuk memenuhi hasrat Kerajaan Persekutuan dan Negeri merealisasikan harapan tinggi rakyat Malaysia khususnya di Sabah bagi menubuhkan sebuah universiti iaitu UMS.

Saya amat bersyukur kerana berjaya melaksanakan tugas tersebut. Ini disebabkan kekuatan semangat yang dianugerahkan oleh Allah SWT dan sokongan ampuh Kementerian Pendidikan Malaysia, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, bantuan dan kerjasama padu Kerajaan Barisan Nasional di Sabah serta seluruh kakitangan UMS. Justeru tugas yang sangat mencabar, berat dan menuntut ketabahan, kesabaran serta keyakinan ini telah dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

Sejak bermulanya sesi pengajian pada tahun 1995 pada bulan Julai yang lalu, UMS telah dapat menubuhkan tiga buah sekolah bagi disiplin ilmu yang utama. Ini termasuklah Sekolah Sains dan Teknologi (SST), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) dan Sekolah Sains Sosial (SSS). Dua buah unit penyelidikan dan sebuah pusat penataran ilmu yang mengendalikan beberapa program pengajian dan penyelidikan yang relevan kepada keperluan negara dan masyarakat turut ditubuhkan.

Kini, bilangan pelajar UMS berjumlah 205 orang untuk peringkat ijazah sarjana muda, 19 orang di peringkat sarjana ijazah dan lima orang di peringkat ijazah doktor falsafah. Di samping itu, 199 orang pelajar sedang mengikuti pengajian peringkat matrikulasi sains. Dari keseluruhan jumlah ini, hampir 40 peratus terdiri daripada pelajar yang berasal dari Sabah.

Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan kepimpinan Yayasan Sabah (YS) kerana sudi meminjamkan bangunan Kolej Komuniti Yayasan Sabah (KKYS) yang dijadikan sebagai kampus sementara UMS.

### **Pembentukan Warga Unggul**

Malaysia pada abad ke-20 merupakan sebuah negara berbudaya sains dan teknologi. Namun, sebuah negara yang maju serta moden tidak bererti meninggalkan ciri-ciri manusiawi yang harus ada pada diri setiap rakyatnya. Seperti yang telah diungkapkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan beliau 'Malaysia Melangkah Ke Hadapan' yang kini dikenali sebagai Wawasan 2020, Malaysia pada abad ke-21

mestilah memiliki ciri-ciri unggul seperti bersatu padu, merdeka dan perkasa, berkeyakinan dan disegani oleh negara lain. Rakyatnya pula harus sihat secara rohani dan jasmani. Pada pendapat saya, wawasan yang menjadi landasan pembentukan bangsa Malaysia yang dihajatkan haruslah disalurkan menerusi pendidikan kepada semua warga Malaysia.

### **Pendidikan Sebagai Saluran Aspirasi**

Dalam konteks ini, UMS bertekad menyalurkan aspirasi nasional seperti yang terungkap dalam wawasan Perdana Menteri serta Dasar Pendidikan Negara (DPN) melalui program pembelajaran dan kehidupan para mahasiswa dan mahasiswinya. UMS akan menerokai zaman baru dan berharap dapat menjadi katalis perubahan kepada masyarakat dan negara, khususnya di negeri Sabah.

UMS juga merancang memperkenalkan sistem pendidikan bersifat liberal dan *broad based*. Melalui sistem ini, para graduan diharapkan dapat menjadi manusia seimbang berilmu, berwawasan nasional dan internasional. Mereka diharap berfikiran kreatif dan berfilsafat, berakhlak dan beragama. Di samping mengikuti pengajian ilmiah, pelajar-pelajar UMS juga diwajibkan mengikuti aktiviti-aktiviti kokurikulum yang terancang dan berfaedah untuk pembangunan diri masing-masing.

### **UMS Sebagai Pusat Kecemerlangan**

Sebuah universiti tidak mungkin menjadi terkenal dan cemerlang jika tidak mempunyai program penyelidikan dan pembangunan teknologi yang dinamik. Ini perlu disokong oleh tenaga akademiknya yang tekun dan produktif. Para ilmuwan universiti seharusnya mengamalkan budaya kerja berdisiplin, beriltizam, kreatif, cekap, produktif dan bersifat terbuka terhadap sebarang perubahan dinamik yang berlaku di peringkat global.

Sebagai sebuah universiti yang masih baru, UMS perlu memartabatkan kecemerlangannya tersendiri melalui peningkatan kualiti dalam aspek pengajaran, penyelidikan, penulisan dan kegiatan pembangunan teknologi. Ini bertujuan untuk memastikan segala kemampuan dan potensi kakitangan akademik yang ada dapat dikembangkan sepenuhnya.

Oleh itu, UMS merancang membangunkan beberapa pusat kecemerlangan yang tersendiri. Penubuhan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) misalnya memfokuskan penyelidikan sumber marin yang berpotensi di perairan Sabah.

Mengenai hidupan semula jadi, Institut Penyelidikan Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) ini sedang merangka kajian biodiversiti serta *business technology park* untuk menempatkan *incubator* penyelidikan dan pembangunannya. Tapak pengeraman R&D ini akan menjalin rantaian kerjasama dengan pelbagai industri dan institusi penyelidikan. Antaranya dengan Taman Industri Kota Kinabalu (KKIP) yang bakal dibangunkan. Kegiatan institusi berkenaan mengfokuskan bidang penyelidikan, pembangunan teknologi dan perundingan. Semua ini bertujuan meningkatkan pembangunan masyarakat dan negara.

Saya yakin pembinaan kampus UMS yang berupaya menampung 5,000 orang pelajar pada tahun 2000 akan dimulakan segera pada tahun hadapan. Sementara itu, fasa pertama dijangka dapat disiapkan pada tahun 1998 untuk membolehkan kami berpindah ke kampus tetap sepenuhnya.

### **Penghargaan**

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli-ahli jawatankuasa induk dan pelaksana, jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pertubuhan-pertubuhan sukarela, lembaga-lembaga awam dan syarikat-syarikat swasta, pihak media khususnya Radio Televisyen Malaysia

(RTM) serta individu yang turut menyumbang jasa dan khidmat memastikan upacara pagi ini berjalan lancar. Ribuan terima kasih dan syabas kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur dan pakar rundingnya yang dapat menyediakan pelan induk awalan UMS dalam jangka masa tujuh minggu.

Kepada YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, seluruh warga UMS amat menyanjung tinggi akan budi kasih YAB Perdana Menteri. Kami berikrar akan mendukung cita-cita merealisasikan pencapaian Wawasan 2020 negara menerusi pendidikan tinggi.

---

***Ucapan sempena Upacara Pecah Tanah Kampus Universiti Malaysia Sabah di Universiti Malaysia Sabah pada 28 November 1995.***